

18 OCT 1999

IMPORT-KOMPONEN

LEBIH POTENSI BAGI SUMBER TEMPATAN KOMPONEN ELEKTRIK DAN AUTOMOTIF

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Arah aliran import seperti di dalam industri elektronik dan automotif, mencerminkan potensi besar bagi sumber tempatan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ini akan mengadakan peluang-peluang bagi pelaburanm terutamnay oleh usahawan-usahawan temaptan, dlam pengeauran komponen-komponen semumapamanya, katanya di dalam ucapan beliau semasa pembukaan rasmi Pamean IKS Tahunan SMIDEC '99 oleh Perdana Mentgeri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Import komponen-komponen elektronik telah meningkat dari RM49.810 bilion pada 1996 kepada RM53.737 bilion pada 1997 kepada RM74.710 bilion tahun 1998 dan kepada RM53.468 bilion dari Januari-Ogos 1999.

Ini adalah untuk menampung keperluan sektor perindustrian tempatan terutamanya komponen-komponen elektronik, kata beliau.

Bagi import komponen automotif, katanya, ia adalah RM3.526 bilion pada 1997, RM2.012 bilion tahun 1998 dan RM1.661 bilion bagi lapan bulan pertama tahun ini.

Rafidah berkata keupayaan dan kemampuan dipertingkatkan syarikat-syarikat berpangkalan di Malaysia juga telah membolehkan eksport komponen-komponen dan alat-alat untuk meningkat dalam beberapa tahun ini.

Pada 1996, eksport komponen elektronik berjumlah RM40.118 bilion dan ia terus meningkat kepada RM46.767 bilion pada 1997, RM65.157 bilion pada 1998 dan RM49.291 bilion diantara Jan-Ogos 1999.

Begitu juga, di dalam industri automotif, terdapat perkembangan penting di dalam sektor komponen automotif, menyebabkan eksport yang meningkat.

Pada 1997, eksport berjumlah RM898.66 jtua dan ia terus meningkat kepada RM1.363 bilion pada 1998 dan kepada RM963.0 juta bagi lapan bulan pertama tahun ini, tambah Rafidah.

Mengenai pameran IKS hari ini Rafidah berkata, sejumlah 296 gerai telah diambil oleh 279 syarikat. -- BERNAMA

SHO KTC OS